

Pengertian الكلام (ayat)¹

الكلام adalah susunan perkataan (dua perkataan atau lebih) yang membawa maksud yang difahami.

Bahagian الكلمة (Perkataan)²

Dalam bahasa Arab terdapat 3 jenis kata iaitu:

- 1) اسم (Kata nama)³,
- 2) فعل (Kata kerja)⁴ dan
- 3) حرف (kata hubung)⁵ yang mempunyai erti.

Tanda الاسم (kata nama)

- التنوين⁶ dapat dikenali dengan الحذف (baris bawah) atau (baris dua)⁷, boleh disertakan (ال) huruf *alif* dan *lam*⁸ di hadapannya atau حروف الحذف kata sendi nama iaitu: مِنْ ، إِلَى ، عَنْ ، dan حروف القسم (kata sumpah) iaitu : لِ ، كَ ، لِ ، و ، ب ، ت

Tanda الفعل (kata kerja)

الفعل dapat dikenali dengan disertakan : قَدْ ، سَ ، سَوْفَ ، تَ⁹

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْكَلَامُ : هُوَ اللَّفْظُ الْمُرَكَّبُ،

الْمُفِيدُ بِالْوَضْعِ

وَأَقْسَامُهُ ثَلَاثَةٌ : اسْمٌ وَفِعْلٌ

وَحَرْفٌ جَاءَ لِمَعْنَى

فَالِاسْمُ يُعْرَفُ بِالْخَفْضِ

وَالْتَّنْوِينِ، وَدُخُولِ الْأَلْفِ وَاللَّامِ،

وَحُرُوفِ الْخَفْضِ، وَهِيَ مِنْ،

وَالِإِلَى، وَعَنْ، وَعَلَى، وَفِي، وَرَبِّ،

وَالْبَاءِ، وَالْكَافِ، وَاللَّامِ، وَحُرُوفِ

الْقَسَمِ، وَهِيَ الْوَاوُ، وَالْبَاءُ، وَالتَّاءُ .

وَالْفِعْلُ يُعْرَفُ بِقَدِّ، وَالسِّينِ

وَسَوْفَ وَتَاءِ التَّائِيثِ السَّاكِنَةِ

¹ الكلام :

i)Perkataan yang tersusun , mempunyai pengertian yang sempurna dengan kehendak daripada penutur.

ii) Ayat yang lengkap.

² Perkataan : sebutan dengan menggunakan huruf-huruf untuk menyampaikan sesuatu maksud.

³ Kata Nama : kata yang menyatakan nama seseorang, sesuatu benda / tempat. misalnya:guru, rumah, ladang.

⁴ Kata Kerja : kata yang menyatakan sesuatu perbuatan.

⁵ Huruf : Kata hubung

⁶ Tanwin : Tanda di akhir kata yang menunjukkan kata itu dibunyikan dengan nun mati.

⁷ Baris bawah dan tanwin adalah tanda di akhir kata nama

⁸ alif dan lam adalah tanda di awal kata nama

⁹ ta yang bertanda mati menunjukkan perempuan

Tanda الحرف (kata hubung)

الحرف adalah perkataan yang tidak boleh disertakan tanda-tanda الاسم (kata nama) dan الفعل (kata kerja).

BAB 'IRAB

الإعراب ialah perubahan¹⁰ yang berlaku pada akhir perkataan disebabkan perbezaan faktor-faktor¹¹ yang masuk kepada perkataan itu. *I'rab* itu ada yang jelas (dapat diketahui melalui lafaz) dan ada yang tidak jelas (tidak dapat diketahui melalui lafaz tetapi hakikatnya tetap berubah).

* *I'rab* terbahagi kepada 4 bahagian:

- 1) رفع (*nominatif*)¹²
- 2) نصب (*akusatif*)¹³
- 3) خفض (*genitif*)¹⁴
- 4) جزم (*jusif*)¹⁵

- Kata nama hanya mempunyai 3 daripadanya iaitu الرفع , النصب dan الخفض . Tidak terdapat الجزم pada kata nama..

- Kata kerja hanya mempunyai 3 daripadanya iaitu الرفع , النصب dan الجزم . Tidak terdapat الخفض pada kata kerja.

وَالْحَرْفُ مَا لَا يَصْلُحُ مَعَهُ دَلِيلٌ
الِاسْمِ وَلَا دَلِيلُ الْفِعْلِ.

بَابُ الْإِعْرَابِ

الْإِعْرَابُ هُوَ تَغْيِيرٌ أَوْ آخِرِ الْكَلِمِ
لِاخْتِلَافِ الْعَوَامِلِ الدَّاخِلَةِ عَلَيْهَا
لَفْظًا أَوْ تَقْدِيرًا

وَأَسْمَاءُهُ أَرْبَعَةٌ رَفْعٌ، وَنَصْبٌ،
وَخَفْضٌ، وَجَزْمٌ.

فَلِأَسْمَاءٍ مِنْ ذَلِكَ الرَّفْعُ،
وَالنَّصْبُ، وَالخَفْضُ، وَلَا جَزْمٌ
فِيهَا.

وَلِلْأَفْعَالِ مِنْ ذَلِكَ الرَّفْعُ،
وَالنَّصْبُ، وَالجَزْمُ، وَلَا خَفْضٌ فِيهَا

¹⁰ perubahan dalam bentuk baris (atas, bawah, hadapan dan mati) dan huruf

¹¹ seperti faktor rafa', nasab, khafad dan jazm

¹² rafa' : perubahan akhir perkataan dengan tanda rafa' (ُ ، و ، ا ، ن)

¹³ nasab : perubahan akhir perkataan dengan tanda nasab (ِ ، َ ، ا ، ي ، ن) dan buang (ن)

¹⁴ khafad : perubahan akhir perkataan dengan tanda khafad (ِ ، َ ، ا ، ي ، ن)

¹⁵ jazam : perubahan akhir perkataan dengan tanda jazam (ْ - dan buang حرف العلة (ن / ن)

PENGENALAN TANDA-TANDA I'RAB

* *I'rab rafa'* mempunyai 4 tanda: (ن ، ا ، و ، ؤ)

1- Baris hadapan (ؤ) adalah tanda *rafa'* pada 4 tempat :

- 1) الاسم المفرد (kata nama tunggal)
- 2) جمع التفسير¹⁶ (kata jamak taksir)
- 3) جمع المؤنث السالم¹⁷ (kata jamak untuk perempuan)
- 4) الفعل المضارع (kata kerja kala kini)¹⁸

2- (و) adalah tanda *rafa'* pada 2 tempat :

- 1) جمع المذكر السالم (kata jamak untuk lelaki)
- 2) أبوك ، أخوك ، حموك ، فوك ، : (5 kata nama) iaitu :
ذو مال

3- (ا) adalah tanda *rafa'* pada تثنية الأسماء (kata nama yang menyatakan dua orang pelakunya)

4- (ن) adalah tanda *rafa'* pada الفعل المضارع (kata kerja kalakini) yang bersambung dengan ضمير ثنية (ganti nama dual), ضمير جمع (ganti nama jamak) atau ضمير المؤنثة المخاطبة (ganti nama diri kedua untuk perempuan)

¹⁶ جمع التفسير ialah kata jamak yang berubah daripada bentuk kata tunggal

¹⁷ جمع المؤنث السالم kata jamak yang kesemua hurufnya adalah sah (selain huruf ي ، و ، ا)

¹⁸ فعل المضارع yang tidak bersambung dengan نون التوكيد (untuk menguatkan maksudnya) dan نون النسوة (ganti nama perempuan)

بَابُ مَعْرِفَةِ عِلَامَاتِ الْإِعْرَابِ

لِلرَّفْعِ أَرْبَعُ عِلَامَاتٍ : الضَّمَّةُ ،

وَالْوَاوُ وَالْأَلِفُ ، وَالتُّونُ .

فَأَمَّا الضَّمَّةُ فَتَكُونُ عِلَامَةً لِلرَّفْعِ فِي

أَرْبَعَةِ مَوَاضِعَ فِي الْإِسْمِ الْمَفْرَدِ ،

وَجَمْعِ التَّكْسِيرِ ، وَجَمْعِ الْمُؤنَّثِ

السَّلَامِ ، وَالْفِعْلِ الْمُضَارِعِ الَّذِي لَمْ

يَتَّصِلَ بِأَخْرِهِ شَيْءٌ .

وَأَمَّا الْوَاوُ فَتَكُونُ عِلَامَةً لِلرَّفْعِ فِي

مَوْضِعَيْنِ فِي جَمْعِ الْمَذْكَرِ السَّلَامِ ،

وَفِي الْأَسْمَاءِ الْخَمْسَةِ ، وَهِيَ :

أَبُوكَ ، وَأَخُوكَ ، وَحَمُوكَ ، وَفُوكَ ،

وَذُو مَالٍ

وَأَمَّا الْأَلِفُ فَتَكُونُ عِلَامَةً لِلرَّفْعِ فِي

تَثْنِيَةِ الْأَسْمَاءِ خَاصَّةً

وَأَمَّا التُّونُ فَتَكُونُ عِلَامَةً لِلرَّفْعِ فِي

الْفِعْلِ الْمُضَارِعِ ، إِذَا اتَّصَلَ بِهِ

ضَمِيرٌ تَثْنِيَّةٌ ، أَوْ ضَمِيرٌ جَمْعٌ ، أَوْ

ضَمِيرٌ الْمُؤنَّثَةِ الْمُخَاطَبَةِ

* *I'rab nasab* mempunyai 4 tanda: (َ ، ِ ، ا ، ي dan buang ن)

1- Baris atas (َ) adalah tanda rafa' pada 3 tempat :

- 1) الاسم المفرد (kata nama tunggal)
- 2) جمع التفسير (kata jamak taksir)
- 3) الفعل المضارع (kata kerja kala kini) apabila masuk faktor yang *menasabkannya* dan ia tidak bersambung dengan نون . نون النسوة dan التوكيد .

2- (ا) adalah tanda *nasab* pada الأسماء الخمسة (5 kata nama) contohnya :

رَأَيْتُ أَبَاكَ وَأَخَاكَ (Aku melihat ayah dan saudara kamu), dan contoh-contoh seumpamanya.

3- Baris bawah (-) adalah tanda *nasab* pada جمع المؤنث السالم (kata jamak untuk perempuan)

4- (ي) adalah tanda *nasab* pada تثنية (kata nama dual) dan جمع المذكر السالم (kata jamak untuk lelaki)

5- الأفعال الخمسة (5 kata kerja) yang mana ketika *rafa'*nya dikekalkan *nun*. حذف النون (buang *nun*)

وَلِلنَّصْبِ خَمْسُ عَلَامَاتٍ: الْفَتْحَةُ،
وَالْأَلِفُ، وَالْكَسْرَةُ، وَالْيَاءُ، وَحَذْفُ
النُّونِ.

فَأَمَّا الْفَتْحَةُ فَتَكُونُ عَلَامَةً لِلنَّصْبِ
فِي ثَلَاثَةِ مَوَاضِعَ: فِي الْإِسْمِ
الْمُفْرَدِ، وَجَمْعِ التَّكْسِيرِ، وَالْفِعْلِ
الْمُضَارِعِ إِذَا دَخَلَ عَلَيْهِ نَاصِبٌ
وَلَمْ يَتَّصِلْ بِأَحْرِهِ شَيْءٌ.

وَأَمَّا الْأَلِفُ: فَتَكُونُ عَلَامَةً لِلنَّصْبِ
فِي الْأَسْمَاءِ الْخَمْسَةِ، نَحْوُ: "رَأَيْتُ
أَبَاكَ وَأَخَاكَ" وَمَا أَشْبَهَ ذَلِكَ

وَأَمَّا الْكَسْرَةُ: فَتَكُونُ عَلَامَةً
لِلنَّصْبِ فِي جَمْعِ الْمُؤَنَّثِ السَّالِمِ

وَأَمَّا الْيَاءُ: فَتَكُونُ عَلَامَةً لِلنَّصْبِ
فِي التَّثْنِيَةِ وَالْجَمْعِ

وَأَمَّا حَذْفُ النُّونِ فَيَكُونُ عَلَامَةً
لِلنَّصْبِ فِي الْأَفْعَالِ الْخَمْسَةِ الَّتِي
رَفَعَهَا بِثَبَاتِ النُّونِ

* *I'rab khafad* mempunyai 3 tanda: (َ ، ي ، ِ)

1- Baris bawah (ِ) adalah tanda *khafad* pada 3 tempat :

- 1) الاسم المفرد (kata nama tunggal) yang boleh ditanwinkan.
- 2) جمع التذكير (kata jamak taksir) yang boleh ditanwinkan.
- 3) جمع المؤنث السالم (kata jamak untuk perempuan).

2- (ي) adalah tanda *khafad* pada 3 tempat :

- 1) الأسماء الخمسة (5 kata nama)
- 2) تثنية (kata nama dual)
- 3) جمع المذكر السالم (kata jamak untuk lelaki)¹⁹.

3- Baris atas (َ) adalah tanda *khafad* pada الاسم الذي لا ينصرف (kata nama yang tidak boleh ditanwinkan)

* *I'rab jazam* mempunyai 2 tanda: tanda mati (ْ) dan buang huruf akhir²⁰)

1- Tanda mati (ْ) adalah tanda *jazam* pada الفعل المضارع الصحيح الآخر (kata kerja kalakini kesemua hurufnya adalah sah (bukan huruf (ا ، و ، ي)

2- (الحذف) *buang huruf nun di akhirnya* adalah tanda *jazam* pada (kata kerja kalakini huruf akhirnya ا ، و pada الفعل المضارع المعتل الآخر (5 kata kerja) yang mana ketika *rafa'*nya dikekalkan *nun*.

¹⁹ perbezaan antara التثنية dan الجمع :

i- ي pada kata nama dual, huruf sebelumnya berbaris atas dan huruf selepasnya berbaris bawah

ii- ي pada kata jamak lelaki, huruf sebelumnya berbaris bawah dan huruf selepasnya berbaris atas

²⁰ buang huruf akhir iaitu huruf ن ، ي ، و ، ا

وَلِلْخَفْضِ ثَلَاثُ عِلَامَاتٍ:
الْكَسْرَةُ، وَالْيَاءُ، وَالْفَتْحَةُ.

فَأَمَّا الْكُسْرَةُ: فَتَكُونُ عِلَامَةً

لِلْخَفْضِ فِي ثَلَاثَةِ مَوَاضِعَ: فِي

الاسْمِ الْمَفْرَدِ الْمُنْصَرِفِ، وَجَمْعِ

التَّكْسِيرِ الْمُنْصَرِفِ، وَفِي جَمْعِ

الْمُؤَنَّثِ السَّالِمِ

وَأَمَّا الْيَاءُ: فَتَكُونُ عِلَامَةً لِلْخَفْضِ

فِي ثَلَاثَةِ مَوَاضِعَ: فِي الْأَسْمَاءِ

الْخَمْسَةِ، وَفِي التَّثْنِيَةِ، وَالْجَمْعِ

وَأَمَّا الْفَتْحَةُ: فَتَكُونُ عِلَامَةً

لِلْخَفْضِ فِي الْاسْمِ الَّذِي لَا

يَنْصَرِفُ

وَلِلْجَزْمِ عِلَامَتَانِ: السُّكُونُ،

وَالْحَذْفُ

فَأَمَّا السُّكُونُ فَيَكُونُ عِلَامَةً لِلْجَزْمِ

فِي الْفِعْلِ الْمُضَارِعِ الصَّحِيحِ الْآخِرِ

وَأَمَّا الْحَذْفُ فَيَكُونُ عِلَامَةً لِلْجَزْمِ

فِي الْفِعْلِ الْمُضَارِعِ الْمُعْتَلِّ الْآخِرِ،

وَفِي الْأَفْعَالِ الْخَمْسَةِ الَّتِي رَفَعَهَا

بَثْبَاتِ النَّوْنِ.

Fasal²¹

Perkataan yang *mu'rab*²² ada 2 bahagian:

Pertama : Perkataan *mu'rab* dengan baris²³

Kedua : Perkataan *mu'rab* dengan huruf²⁴.

* Perkataan *mu'rab* dengan baris ada 4 jenis :

- 1- الاسم المفرد (kata nama tunggal)
- 2- جمع التفسير (kata jamak taksir)
- 3- جمع المؤنث السالم (kata jamak untuk perempuan)
- 4- الفعل المضارع (kata kerja kalakini yang tidak bersambung dengan نون التوكيد dan نون النسوة).

Semua jenis perkataan ini *dirafa'*kan dengan baris hadapan (ُ), *dinasab* dengan baris atas (َ), *dikhafad* dengan baris bawah (ِ) dan *dijazam* dengan tanda mati (ْ).

Tidak termasuk kaedah *i'rab* di atas ialah

- 1- جمع المؤنث السالم (kata jamak untuk perempuan) - ia *dinasabkan* dengan baris bawah (ِ)
- 2- الاسم الذي لا ينصرف (kata nama yang tidak boleh ditanwinkan) - ia *dikhafadkan* dengan baris atas (َ)
- 3- الفعل المضارع ا لصحيح الآخر (kata kerja kalakini kesemua hurufnya adalah sah) - ia *dijazamkan* dengan dibuang huruf akhirnya.

²¹ Kesimpulan daripada huraian tentang *i'rab* sebelum ini

²² Perkataan yang *mu'rab* ialah perkataan yang berubah akhirnya dari segi baris atau huruf.

²³ *I'rab* dengan *baris atas*, *bawah*, *hadapan* dan *tanda mati* (ُ ، َ ، ِ ، ْ)

²⁴ *I'rab* dengan huruf (ا ، و ، ي ، ن)

فصل

فصلُ الْمُعْرَبَاتُ قِسْمَانِ

قِسْمٌ يُعْرَبُ بِالْحَرَكَاتِ، وَقِسْمٌ يُعْرَبُ بِالْحُرُوفِ.

فَالَّذِي يُعْرَبُ بِالْحَرَكَاتِ أَرْبَعَةٌ أَنْوَاعُ الْأِسْمِ الْمَفْرَدِ، وَجَمْعُ التَّكْسِيرِ، وَجَمْعُ الْمُؤَنَّثِ السَّلَامِ، وَالْفِعْلُ الْمُضَارِعُ الَّذِي لَمْ يَتَّصِلْ بِآخِرِهِ شَيْءٌ

وَكُلُّهَا تُرْفَعُ بِالضَّمَّةِ، وَتُنْصَبُ بِالْفَتْحَةِ، وَتُخَفَّضُ بِالْكَسْرَةِ، وَتُحْزَمُ بِالسُّكُونِ

وَخَرَجَ عَنِ ذَلِكَ ثَلَاثَةٌ أَشْيَاءُ: جَمْعُ الْمُؤَنَّثِ السَّلَامِ يُنْصَبُ بِالْكَسْرَةِ، وَالْإِسْمُ الَّذِي لَا يَنْصَرِفُ يُخَفَّضُ بِالْفَتْحَةِ، وَالْفِعْلُ الْمُضَارِعُ الْمُعْتَلُّ الْآخِرُ يُحْزَمُ بِحَذْفِ آخِرِهِ.

* Perkataan *mu'rab* dengan huruf ada 4 jenis :

- 1- تثنية (kata nama dual)
- 2- جمع المذكر السالم (kata jamak untuk lelaki)
- 3- الأسماء الخمسة (5 kata nama)
- 4- الأفعال الخمسة (5 kata kerja) iaitu: يَفْعَلَانِ ، تَفْعَلَانِ ، يَفْعَلُونَ ، تَفْعَلُونَ ، يَفْعَلِينَ ، تَفْعَلِينَ

وَالَّذِي يُعْرَبُ بِالْحُرُوفِ أَرْبَعَةٌ
أَنْوَاعٍ: التَّنْيَةُ، وَحَمْعُ الْمَذْكَرِ
السَّلَامِ، وَالْأَسْمَاءُ الْخَمْسَةُ،
وَالْأَفْعَالُ الْخَمْسَةُ، وَهِيَ: يَفْعَلَانِ،
وَتَفْعَلَانِ، وَيَفْعَلُونَ، وَتَفْعَلُونَ،
وَيَفْعَلِينَ، وَتَفْعَلِينَ.

1- تثنية (kata nama dual) - ia dirafa' dengan (ا) dinasab dan dikhafad dengan (ي)

فَأَمَّا التَّنْيَةُ فَتَرْفَعُ بِالْأَلِفِ ، وَتُنْصَبُ
وَتُخَفَضُ بِالْيَاءِ.

2- جمع المذكر السالم (kata jamak untuk lelaki) - ia dirafa' dengan (و) dinasab dan dikhafad dengan (ي)

وَأَمَّا جَمْعُ الْمَذْكَرِ السَّلَامِ فَيَرْفَعُ
بِالْوَاوِ، وَيُنْصَبُ وَيُخَفَضُ بِالْيَاءِ.

3- الأسماء الخمسة (5 kata nama)-ia dirafa' dengan (و) dinasab dan dikhafad dengan (ي)

وَأَمَّا الْأَسْمَاءُ الْخَمْسَةُ فَتَرْفَعُ
بِالْوَاوِ، وَتُنْصَبُ بِالْأَلِفِ، وَتُخَفَضُ
بِالْيَاءِ

4- الأفعال الخمسة (5 kata nama) - ia dirafa' dengan (ن) dinasab dan dijazam dengan dibuang (ن)

وَأَمَّا الْأَفْعَالُ الْخَمْسَةُ فَتَرْفَعُ بِالنُّونِ
وَتُنْصَبُ وَتُجَزَمُ بِحَذْفِهَا.

BAB 'KATA KERJA'

Kata kerja (dalam bahasa Arab) ada tiga jenis: فعل ماضٍ (kata kerja kala lampau)²⁵, فعل مضارع (kata kerja kala kini/ kala depan)²⁶ dan فعل أمر (kata kerja imperatif / suruhan)²⁷.

contoh : ضَرَبَ (telah memukul), يَضْرِبُ (sedang memukul), اضْرِبْ (pukullah)

* Huruf akhirnya sentiasa berbaris atas, فعل ماضٍ huruf akhirnya sentiasa jazam²⁸.

* فعل مضارع ialah perkataan yang dimulai dengan salah satu daripada 4 huruf tambahan (dicantumkan) dalam perkataan . أنيت . lainnya sentiasa rafa²⁹ kecuali apabila disertai ناصب (kata akusatif)³⁰ atau جازم (kata jusif)³¹.

النواصب (kata akusatif) ada 10 :

أَنْ ، لَنْ ، كَيْ ، (ل) لام كَيْ ، (ل) لام الجحود ، حَتَّى ، الجواب بالفاء (ف) ، الواو (و) ، أَوْ

الجوازم (kata jusif) ada 18:

لَمْ ، لَمَّا ، أَلَمَّا ، (ل) لام الأمر والدعاء ، (لا) في النهي والدعاء ، إِنْ ، مَا ، مَنْ ، مَهْمَا ، إِذْمَا ، أَيُّ ، مَتَى ، أَيَّانَ ، أَيْنَ ، أَنَّى ، حَيْثُمَا ، كَيْفَمَا ،

dan perkataan (إِذَا) hanya (digunakan) pada syair

²⁵ iaitu setiap kata kerja yang menunjukkan kepada berlaku sesuatu perbuatan pada masa lalu.

²⁶ iaitu setiap kata kerja yang menunjukkan kepada berlakunya sesuatu perbuatan pada masa kini atau akan datang. Ia dimulakan dengan salah satu huruf Mudhari' (أحرف) (ت) ، (ي) ، (ن) ، (ع) iaitu: المضارعة

²⁷ iaitu setiap kata kerja yang digunakan untuk menuntut supaya dilakukan sesuatu pada masa akan datang.

²⁸ bertanda mati atau dibuang huruf akhirnya.

²⁹ rafa' : perubahan akhir perkataan dengan tanda rafa' (ُ - ، و ، ا)

³⁰ faktor yang merubah akhir sesuatu perkataan dengan tanda nasab.

³¹ faktor yang merubah akhir sesuatu perkataan dengan tanda jazam.

بَابُ الْأَفْعَالِ

الْأَفْعَالُ ثَلَاثَةٌ : مَاضٍ ، وَمُضَارِعٌ ، وَأَمْرٌ ، نَحْوُ : ضَرَبَ ، وَيَضْرِبُ ، وَاضْرِبْ .

فَالْمَاضِي مَفْتُوحٌ الْآخِرِ أَبَدًا .

وَالْأَمْرُ : مَجْرُومٌ أَبَدًا

وَالْمُضَارِعُ مَا كَانَ فِي أَوَّلِهِ إِحْدَى الزَّوَائِدِ الْأَرْبَعِ الَّتِي يَجْمَعُهَا قَوْلُكَ "أَنْيْتُ" وَهُوَ مَرْفُوعٌ أَبَدًا ، حَتَّى يَدْخُلَ عَلَيْهِ نَاصِبٌ أَوْ جَازِمٌ

فَالنَّوَاصِبُ عَشْرَةٌ ، وَهِيَ أَنْ ، وَلَنْ ، وَإِذَنْ ، وَكَيْ ، وَلَا مُمْ كَيْ ، وَلَا مُمْ الْجُحُودِ ، وَحَتَّى ، وَالْجَوَابُ بِالْفَاءِ ، وَالْوَاوِ ، وَأَوْ .

وَالجَوَازِمُ ثَمَانِيَةٌ عَشْرٌ وَهِيَ لَمْ ، وَلَمَّا ، وَأَلَمَّ ، وَأَلَمَّا ، وَلَا مُمْ الْأَمْرِ ، وَالْدُعَاءِ ، وَ "لَا" فِي التَّنْهِي وَالْدُعَاءِ ، وَإِنْ وَمَا وَمَنْ وَمَهْمَا ، وَإِذْمَا ، وَأَيُّ وَمَتَى ، وَأَيْنَ وَأَيَّانَ ، وَأَنَّى ، وَحَيْثُمَا ، وَكَيْفَمَا ، وَإِذَا فِي الشُّعْرِ خَاصَّةً

BAB 'KATA NAMA NOMINATIF'

المرفوعات (kata nama nomatif) ada 7 jenis:

- 1- الفاعل (pelaku)³²,
- 2- المفعول الذي لا يسم فاعله (objek dalam ayat pasif - yang tidak dinyatakan pelakunya)³³,
- 3- المبتداء (subjek)³⁴,
- 4- خبره (predikat),
- 5- اسم كان وأخواتها (subjek كان dan perkataan sejenisnya),
- 6- خبر إن وأخواتها (predikat إن dan perkataan sejenisnya),
- 7- التابع للمرفوع (kata nama yang mengikuti kata nama nominatif dari segi i'rab) iaitu 4 perkara: النعت (kata adjektif/sifat), العطف (kata hubung), التوكيد (kata penegasan), البدل (kata pengganti).

BAB (PELAKU)³⁵

الفاعل adalah kata nomatif disebut sebelumnya فعل (kata kerja). Ia terbahagi kepada 2 bahagian : اسم ظاهر (kata nama), مضمير (kata gantianama)³⁶

³² Pelaku/pembuat : orang yang mengerjakan sesuatu perbuatan (dalam ayat).

³³ Ayat pasif : terbentuk asalnya daripada ayat aktif transitif iaitu mengandungi kata kerja yang mengutamakan objek asal sebagai judul/unsur yang diterangkan. contoh: Bola ditendang oleh seseorang.

³⁴ Subjek : bahagian ayat yang diterangkan. Manakala Predikat : bahagian ayat yang menerangkan subjek.

³⁵ الفاعل : kata nama yang dibaca marfu' yang menunjukkan bahawa ia adalah pembuat bagi perbuatan tersebut.

³⁶ kata yang menjadi ganti kepada kata nama. ia terbahagi kepada: kata ganti nama diri pertama / kedua / ketiga.

بَابُ مَرْفُوعَاتِ الْأَسْمَاءِ

الْمَرْفُوعَاتُ سَبْعَةٌ وَهِيَ: الْفَاعِلُ،
وَالْمَفْعُولُ الَّذِي لَمْ يُسَمَّ فَاعِلُهُ،
وَالْمُبْتَدَأُ، وَخَبْرُهُ، وَأَسْمُ "كَانَ"
وَأَخْوَاتِهَا، وَخَبْرُ "إِنَّ" وَأَخْوَاتِهَا،
وَالتَّابِعُ لِلْمَرْفُوعِ، وَهُوَ أَرْبَعَةُ أَشْيَاءَ
: النَّعْتُ، وَالْعَطْفُ، وَالتَّوَكِيدُ،
وَالْبَدَلُ.

بَابُ الْفَاعِلِ

الْفَاعِلُ هُوَ الْأِسْمُ الْمَرْفُوعُ
الْمَذْكُورُ قَبْلَهُ فِعْلُهُ. وَهُوَ عَلَى
قِسْمَيْنِ ظَاهِرٍ، وَمُضْمَرٍ.

1- اسم ظاهر (kata nama)³⁷,

contohnya:

قَامَ زَيْدٌ	(zaid telah berdiri),
يَقُومُ زَيْدٌ	(zaid sedang berdiri),
قَامَ الزَّيْدَانِ	(dua - orang bernama - zaid telah berdiri),
يَقُومُ الزَّيْدَانِ	(dua - orang bernama - zaid sedang berdiri),
قَامَ الزَّيْدُونَ	(ramai- orang bernama - zaid telah berdiri),
يَقُومُ الزَّيْدُونَ	(ramai- orang bernama - zaid sedang berdiri),
قَامَ الرِّجَالُ	(beberapa lelaki telah berdiri),
يَقُومُ الرِّجَالُ	(ramai lelaki telah berdiri),
قَامَتِ هِنْدٌ	(hindun telah berdiri),
تَقُومُ هِنْدٌ	(hindun sedang berdiri),
قَامَتِ الْهِنْدَانِ	(dua - orang bernama - hindun telah berdiri),
تَقُومُ الْهِنْدَانِ	(dua - orang bernama - hindun sedang berdiri),
قَامَتِ الْهِنْدَاتُ	(ramai - orang bernama - hindun telah berdiri),
تَقُومُ الْهِنْدَاتُ	(ramai- orang bernama - hindun sedang berdiri),
قَامَتِ الْهُنُودُ	(ramai - orang bernama - hindun telah berdiri),
تَقُومُ الْهُنُودُ	(ramai - orang bernama - hindun sedang berdiri),
قَامَ أَخُوكَ	(saudara kamu telah berdiri),
يَقُومُ أَخُوكَ	(saudara kamu sedang berdiri),
قَامَ غُلَامِي	(budak suruhan saya telah berdiri),
يَقُومُ غُلَامِي	(budak suruhan saya sedang berdiri),

dan contoh-contoh lain seumpamanya.

فَالظَّاهِرُ نَحْوَ قَوْلِكَ : قَامَ زَيْدٌ،
وَيَقُومُ زَيْدٌ، وَقَامَ الزَّيْدَانِ، وَيَقُومُ
الزَّيْدَانِ، وَقَامَ الزَّيْدُونَ، وَيَقُومُ
الزَّيْدُونَ، وَقَامَ الرِّجَالُ، وَيَقُومُ
الرِّجَالُ، وَقَامَتِ هِنْدٌ، وَقَامَتِ
الْهِنْدُ، وَقَامَتِ الْهِنْدَانِ، وَتَقُومُ
الْهِنْدَانِ، وَقَامَتِ الْهِنْدَاتُ، وَتَقُومُ
الْهِنْدَاتُ، وَقَامَتِ الْهُنُودُ، وَتَقُومُ
الْهُنُودُ، وَقَامَ أَخُوكَ، وَيَقُومُ أَخُوكَ،
وَقَامَ غُلَامِي، وَيَقُومُ غُلَامِي، وَمَا
أَشْبَهَ ذَلِكَ.

³⁷ sama ada kata nama khas atau kata nama am.

2- مضمَر (kata gantian), ada 12 :

contohnya:

ضَرَبْتُ	(saya telah memukul),
ضَرَبْنَا	(kami telah memukul),
ضَرَبْتَ	(awak - lelaki - telah memukul),
ضَرَبْتِ	(awak - perempuan - telah memukul),
ضَرَبْتُمَا	(kamu berdua telah memukul),
ضَرَبْتُمُ	(kamu semua - lelaki - telah memukul),
ضَرَبْتُنَّ	(kamu semua - perempuan - telah memukul),
ضَرَبَ	(dia - lelaki - telah memukul),
ضَرَبَتْ	(dia - perempuan - telah memukul),
ضَرَبَا	(dia berdua telah memukul),
ضَرَبُوا	(mereka - lelaki - telah memukul),
ضَرَبْنَ	(mereka - perempuan - telah memukul).

BAB 'OBJEK DALAM AYAT PASIF'

نائب الفاعل (Pengganti kepada 'pelaku') adalah kata nomatif yang tidak disebut bersamanya 'pelaku'nya.

* Sekiranya kata kerja itu berbentuk kala lampau (فعل ماض) maka huruf pertamanya berbaris hadapan dan huruf sebelum akhir perkataan tersebut berbaris bawah.

*Sekiranya kata kerja itu berbentuk kala kini (فعل مضارع) maka huruf pertamanya berbaris hadapan dan huruf sebelum akhir perkataan tersebut berbaris atas.

وَالْمُضْمَرُ اثْنَا عَشَرَ، نَحْوَ قَوْلِكَ :
 "ضَرَبْتُ، وَضَرَبْنَا، وَضَرَبْتَ،
 وَضَرَبْتِ، وَضَرَبْتُمَا، وَضَرَبْتُمُ،
 وَضَرَبْتُنَّ، وَضَرَبَ، وَضَرَبَتْ،
 وَضَرَبَا، وَضَرَبُوا، وَضَرَبْنَ".

بَابُ الْمَفْعُولِ الَّذِي لَمْ يُسَمَّ فَاعِلُهُ

وَهُوَ الْأِسْمُ الْمَرْفُوعُ الَّذِي لَمْ
 يُذَكَّرْ مَعَهُ فَاعِلُهُ

فَإِنْ كَانَ الْفِعْلُ مَاضِيًّا ضَمَّ أَوَّلُهُ
 وَكُسِرَ مَا قَبْلَ آخِرِهِ

وَإِنْ كَانَ مُضَارِعًا ضَمَّ أَوَّلُهُ وَفُتِحَ
 مَا قَبْلَ آخِرِهِ

lanya terbahagi kepada dua bahagian : اسم ظاهر (kata nama),
مضمرة (kata gantinama)³⁸

1- اسم ظاهر (kata nama)³⁹,

contohnya:

- ضُرِبَ زَيْدٌ (zaid telah dipukul),
- يُضْرَبُ زَيْدٌ (zaid sedang dipukul),
- أُكْرِمَ عَمْرُو (Amru telah dimuliakan),
- يُكْرَمُ عَمْرُو (Amru sedang dimuliakan).

2- مضمرة (kata gantinama),

contohnya:

- ضُرِبْتُ (saya telah dipukul),
- ضُرِبْنَا (kami telah dipukul),
- ضُرِبْتَ (awak - lelaki - telah dipukul),
- ضُرِبْتِ (awak - perempuan - telah dipukul),
- ضُرِبْتُمَا (kamu berdua telah dipukul),
- ضُرِبْتُمْ (kamu semua - lelaki - telah dipukul),
- ضُرِبْتُنَّ (kamu semua - perempuan - telah dipukul),
- ضُرِبَ (dia - lelaki - telah dipukul),
- ضُرِبَتْ (dia - perempuan - telah dipukul),
- ضُرِبَا (dia berdua telah dipukul),
- ضُرِبُوا (mereka - lelaki - telah dipukul),
- ضُرِبْنَ (mereka - perempuan - telah dipukul).

وَهُوَ عَلَى قِسْمَيْنِ ظَاهِرٍ، وَمُضْمَرٍ
فَالظَّاهِرُ نَحْوَ قَوْلِكَ: "ضُرِبَ زَيْدٌ"
وَالْمُضْمَرُ نَحْوَ قَوْلِكَ: "أُكْرِمَ عَمْرُو"
وَالْمُضْمَرُ اثْنَا عَشَرَ، نَحْوَ قَوْلِكَ:

"ضُرِبْتُ وَضُرِبْنَا، وَضُرِبْتَ،
وَضُرِبْتِ، وَضُرِبْتُمَا، وَضُرِبْتُمْ،
وَضُرِبْتُنَّ، وَضُرِبَ، وَضُرِبَتْ،
وَضُرِبَا، وَضُرِبُوا، وَضُرِبْنَ".

³⁸ kata yang menjadi ganti kepada kata nama. ia terbahagi kepada: kata ganti nama diri pertama / kedua / ketiga.

³⁹ sama ada kata nama khas atau kata nama am.

BAB SUBJEK DAN PREDIKAT⁴⁰

المبتداء ialah kata nomatif yang tidak ada العوامل اللفظية (faktor-faktor yang mengubahnya 'irabnya).

الخبر ialah kata nomatif yang disandarkan kepada 'subjek'.

contohnya:

زَيْدٌ قَائِمٌ (Zaid berdiri),

الرَّيْدَانِ قَائِمَانِ (Dua - orang bernama - Zaid berdiri),

الرَّيْدُونَ قَائِمُونَ (Ramai -yang bernama - Zaid berdiri).

المبتداء ada 2 bahagian : اسم ظاهر (kata nama), مضمر (kata gantinama)⁴¹

1- اسم ظاهر (kata nama) - contohnya telah disebut di atas.

بَابُ الْمُبْتَدَأِ وَالْخَبَرِ

الْمُبْتَدَأُ : هُوَ الْأِسْمُ الْمَرْفُوعُ
الْعَارِي عَنْ الْعَوَامِلِ اللَّفْظِيَّةِ .

وَالْخَبَرُ هُوَ الْأِسْمُ الْمَرْفُوعُ الْمُسْنَدُ
إِلَيْهِ، نَحْوَ قَوْلِكَ : "زَيْدٌ قَائِمٌ"
وَالرَّيْدَانِ قَائِمَانِ " وَالرَّيْدُونَ
قَائِمُونَ " .

والمبتدأ قسمان ظاهر ومضمر،

فالظاهر ما تقدم ذكره.

⁴⁰ Subjek : bahagian ayat yang diterangkan. Manakala Predikat : bahagian ayat yang menerangkan subjek.

⁴¹ kata yang menjadi ganti kepada kata nama. ia terbahagi kepada: kata ganti nama diri pertama / kedua / ketiga.

2- مضمَر (kata gantinama) ada 12, iaitu :

- 1- أنا (saya),
- 2- نحن (kami),
- 3- أنتَ (kamu - lelaki),
- 4- أنتِ (kamu - perempuan),
- 5- أنتمَا (kamu berdua - lelaki/perempuan),
- 6- أنتم (kamu semua - ramai lelaki),
- 7- أنن (kamu semua - ramai perempuan),
- 8- هو (dia - lelaki),
- 9- هي (dia - perempuan),
- 10- هما (mereka berdua - lelaki/perempuan),
- 11- هم (mereka semua - ramai lelaki),
- 12- هن (mereka semua - ramai perempuan).

* contohnya:

أَنَا قَائِمٌ (saya berdiri),

نَحْنُ قَائِمُونَ (kami berdiri) dan contoh-contoh seumpamanya.

Khabar / predikat

الخبر ada 2 bahagian : مفرد (predikat yang tidak berbentuk ayat),

غير مفرد (predikat yang berbentuk ayat).

1- مفرد (predikat yang tidak berbentuk ayat), contohnya : زَيْدٌ قَائِمٌ (zaid berdiri).

2- غير مفرد (predikat yang berbentuk ayat) ada empat bentuk :

- 1- الجار والمجرور (kata sendi dan kata nama selepasnya)
- 2- الظرف (kata nama yang menunjukkan masa dan tempat)
- 3- الفاعل وفاعله (kata kerja dan pelakunya)
- 4- المبتداء والخبر (subjek dan predikat),

وَالْمُضْمَرُ إِثْنَا عَشَرَ، وَهِيَ : أَنَا ،
وَنَحْنُ، وَأَنْتَ ، وَأَنْتِ ، وَأَنْتُمَا ،
وَأَنْتُمْ، وَأَنْتُنَّ، وَهُوَ ، وَهِيَ ،
وَهُمَا ، وَهُم ، وَهِنَّ، نَحْوُ قَوْلِكَ:
أَنَا قَائِمٌ، وَنَحْنُ قَائِمُونَ ، وَمَا
أَشْبَهَ ذَلِكَ.

الخبر

وَالْخَبْرُ قِسْمَانِ : مُفْرَدٌ، وَغَيْرُ
مُفْرَدٍ،

فَالْمُفْرَدُ نَحْوُ قَوْلِكَ: زَيْدٌ قَائِمٌ،

وَغَيْرُ الْمُفْرَدِ أَرْبَعَةٌ أَشْيَاءُ: الْجَارُ
وَالْمَجْرُورُ، وَالظَّرْفُ، وَالْفِعْلُ مَعَ
فَاعِلِهِ، وَالْمُبْتَدَأُ مَعَ خَبْرِهِ،

contohnya :

زَيْدٌ فِي الدَّارِ (zaid berada di dalam rumah),

زَيْدٌ عِنْدَكَ (zaid berada di sisi kamu),

زَيْدٌ قَامَ أَبُوهُ (zaid yang mana bapanya sedang berdiri),

زَيْدٌ جَارِيَتُهُ ذَاهِبَةٌ (zaid yang mana hamba perempuannya telah pergi).

نَحْوُ قَوْلِكَ:

زَيْدٌ فِي الدَّارِ، وَزَيْدٌ عِنْدَكَ، وَزَيْدٌ قَامَ أَبُوهُ، وَزَيْدٌ جَارِيَتُهُ ذَاهِبَةٌ.

BAB FAKTOR-FAKTOR YANG MASUK PADA SUBJEK DAN PREDIKAT

lanya ada tiga bentuk :

- 1- كان dan perkataan sejenisnya,
- 2- إِنَّ dan perkataan sejenisnya,
- 3- ظَنَّ dan perkataan sejenisnya.

1- كان dan perkataan sejenisnya : ianya merafa'kan kata nama (subjek) dan menasabkan predikat.

lanya adalah : كان ، أمسى ، أصبح ، أضحى ، ظل ، بات ، صار ، ليس ، كان ، مازال ، ما انفك ، ما فتى ، ما برح ، مادام

dan perkataan lain yang diubah daripadanya, seperti :

كان - يَكُونُ - كُنْ ، أصبح - يُصْبِحُ - أَصْبَحْ

contohnya:

كانَ زَيْدٌ قَائِمًا (zaid berdiri),

لَيْسَ عَمْرُو شَاخِصًا (Amru tidak nampak jelas)

dan contoh-contoh lain seumpamanya.

بَابُ الْعَوَامِلِ الدَّاخِلَةِ عَلَى الْمُبْتَدَأِ وَالْخَبَرِ

وَهِيَ ثَلَاثَةٌ أَشْيَاءَ كَانَ وَأَخَوَاتُهَا وَإِنَّ وَأَخَوَاتُهَا وَظَنَنْتُ وَأَخَوَاتُهَا

فَأَمَّا كَانَ وَأَخَوَاتُهَا، فَإِنَّهَا تَرْفَعُ الْأِسْمَ، وَتَنْصِبُ الْخَبَرَ، وَهِيَ كَانَ، وَأَمْسَى، وَأَصْبَحَ، وَأَضْحَى، وَظَلَّ، وَبَاتَ، وَصَارَ، وَلَيْسَ، وَمَا زَالَ، وَمَا انْفَكَ، وَمَا فَتَى، وَمَا بَرِحَ، وَمَا دَامَ، وَمَا تَصَرَّفَ مِنْهَا نَحْوُ : كَانَ، وَيَكُونُ، وَكُنْ، وَأَصْبَحَ وَيُصْبِحُ وَأَصْبَحَ، تَقُولُ : "كَانَ زَيْدٌ قَائِمًا، وَلَيْسَ عَمْرُو شَاخِصًا" وَمَا أَشْبَهَ ذَلِكَ .

2- **إِنْ** dan perkataan sejenisnya: ianya menasabkan kata nama (subjek) dan merafa'kan predikat.

Ianya adalah : **لَعَلَّ** ، **كَيْتَ** ، **كَأَنَّ** ، **لَكِنَّ** ، **أَنَّ** ، **إِنْ**

contohnya:

إِنْ زَيْدًا قَائِمٌ (sesungguhnya Zaid berdiri),

كَيْتَ عَمْرًا شَاخِصٌ (Mudah-mudahan Amru tidak nampak jelas)

dan contoh-contoh lain seumpamanya.

* **إِنْ** dan **أَنَّ** ertinya untuk mengukuhkan (maksud ayat), **لَكِنَّ** ertinya untuk maksud pengecualian, **كَأَنَّ** ertinya untuk menunjukkan persamaan, **كَيْتَ** ertinya untuk cita-cita/keinginan, **لَعَلَّ** ertinya untuk harapan.

3- **ظَنَّ** dan perkataan sejenisnya: ianya menasabkan 'subjek' dan 'predikat' yang mana kedua-duanya sebagai 'objek'.

Ianya adalah :

ظَنَنْتُ ، **حَسِبْتُ** ، **خِلْتُ** ، **زَعَمْتُ** ، **رَأَيْتُ** ، **عَلِمْتُ** ، **وَجَدْتُ** ، **أَتَّخَذْتُ** ، **جَعَلْتُ** ،

سَمِعْتُ

contohnya:

ظَنَنْتُ زَيْدًا مُنْطَلِقًا (Aku sangka Zaid berdiri),

خِلْتُ الْهَيْلَالَ لَا يَمُحًا (Aku sangka anak bulan itu kelihatan)

dan contoh-contoh lain seumpamanya.

وَأَمَّا **إِنْ** وَأَخْوَاتُهَا فَيَنْصِبُ
الاسْمَ وَتَرْفَعُ الْخَبَرَ، وَهِيَ: **إِنْ**،
وَأَنَّ، وَلَكِنَّ، وَكَأَنَّ، وَكَيْتَ، وَلَعَلَّ،
تَقُولُ: **إِنْ زَيْدًا قَائِمًا**، وَكَيْتَ عَمْرًا
شَاخِصًا، وَمَا أَشْبَهَ ذَلِكَ،

وَمَعْنَى "**إِنْ**" وَ"**أَنَّ**" لِلتَّوَكِيدِ،
وَاللَّكِنَّ لِلِاسْتِدْرَاكِ، وَ"**كَأَنَّ**"
لِلتَّشْبِيهِ، وَ"**كَيْتَ**" لِلتَّمَنِّي، وَ"**لَعَلَّ**"
لِلتَّرَجِي وَالتَّوَقُّعِ..

وَأَمَّا **ظَنَنْتُ** وَأَخْوَاتُهَا فَيَنْصِبُ
تَنْصِبُ الْمُبْتَدَأَ وَالْخَبَرَ عَلَى أَنَّهُمَا
مَفْعُولَانِ لَهَا، وَهِيَ: **ظَنَنْتُ**،
وَحَسِبْتُ، وَخِلْتُ، وَزَعَمْتُ،
وَرَأَيْتُ، وَعَلِمْتُ، وَوَجَدْتُ،
وَأَتَّخَذْتُ، وَجَعَلْتُ، وَسَمِعْتُ؛
تَقُولُ: **ظَنَنْتُ زَيْدًا قَائِمًا**، وَرَأَيْتُ
عَمْرًا شَاخِصًا، وَمَا أَشْبَهَ ذَلِكَ.

BAB 'KATA ADJEKTIF/SIFAT'

النعته (kata adjektif/sifat) mengikut المنعوت (sesuatu yang disifatkan) dari segi *rafa*⁴², *nasab*⁴³, *khafad*⁴⁴, *ta'rif*⁴⁵ dan *tankir*⁴⁶.

contohnya :

قَامَ زَيْدٌ الْعَاقِلُ	(Zaid yang berakal/cerdik itu telah berdiri),
رَأَيْتُ زَيْدًا الْعَاقِلَ	(Aku melihat Zaid yang berakal/cerdik itu),
مَرَرْتُ بِزَيْدِ الْعَاقِلِ	(Aku melintasi Zaid yang berakal/cerdik itu).

* المعرفة (kata nama khas) ada lima bentuk :

- 1- الاسم المضمَّرُ (kata ganti nama), seperti : أَنَا (saya), أَنْتَ (awak), هُوَ (dia).
- 2- الاسم العَلَمُ (kata nama khas bagi manusia, tempat, binatang dan benda), seperti : زَيْدٌ (Zaid), مَكَّةَ (Mekah).
- 3- اسم الموصول / اسم الإشارة (kata tunjuk / kata hubung), seperti : هَذَا (ini - untuk lelaki), هَذِهِ (ini - untuk perempuan), هَؤُلَاءِ (ini - untuk ramai)⁴⁷.
- 4- الاسم الذي فيه الألف واللام (kata nama yang dimasukkan *alif* dan *lam*), seperti : الرَّجُلُ (lelaki ini), الْعُلَامُ (budak ini).
- 5- ما أضيف إلى واحد من هذه الأربعة (kata nama yang disandarkan kepada keempat-empat bentuk di atas).

⁴² *rafa* : perubahan akhir perkataan dengan tanda rafa' (ن ، و ، ا ، ؤ)

⁴³ *nasab* : perubahan akhir perkataan dengan tanda nasab (ي ، ا ، ة ، ـ) dan buang (ن)

⁴⁴ *khafad* : perubahan akhir perkataan dengan tanda khafad (ي ، ا ، ة ، ـ)

⁴⁵ *Ta'rif* : Lihat pada perbincangan *ma'rifah* m/s: 21.

⁴⁶ *Tankir* : Lihat pada perbincangan *nakirah* m/s: 22.

⁴⁷ اللذان (yang – lelaki), التي (yang – perempuan), اللتان (yang – dua lelaki), اللتان (yang – dua perempuan), اللاتي (yang – untuk ramai).

بَابُ النَّعْتِ

النَّعْتُ تَابِعٌ لِلْمَنْعُوتِ فِي رَفْعِهِ
وَتَصْبِيهِ وَخَفْضِهِ، وَتَعْرِيفِهِ وَتَنْكِيرِهِ;
تَقُولُ :

قَامَ زَيْدٌ الْعَاقِلُ، وَرَأَيْتُ زَيْدًا
الْعَاقِلَ، وَمَرَرْتُ بِزَيْدِ الْعَاقِلِ .

وَالْمَعْرِفَةُ خَمْسَةٌ أَشْيَاءَ الْإِسْمِ
الْمُضْمَرُ نَحْوَ : أَنَا وَأَنْتَ، وَالْإِسْمُ
الْعَلَمُ نَحْوَ : زَيْدٍ وَمَكَّةَ، وَالْإِسْمُ
الْمُبْتَهَمُ نَحْوَ : هَذَا، وَهَذِهِ،
وَهَؤُلَاءِ، وَالْإِسْمُ الَّذِي فِيهِ الْأَلْفُ
وَاللَّامُ نَحْوَ : الرَّجُلُ وَالْعُلَامُ، وَمَا
أُضِفَ إِلَى وَاحِدٍ مِنْ هَذِهِ الْأَرْبَعَةِ.

* النكرة (kata nama am) : setiap kata nama yang bersifat umum dan tidak menentukan sesuatu tanpa yang lain.

Takrif yang lebih mudah difahami : النكرة - setiap perkataan yang boleh dimasukkan *alif* dan *lam* padanya, seperti : الرَّجُلُ (lelaki ini), الْفَرَسُ (kuda ini).

BAB 'KATA HUBUNG'

Kata hubung ini ada 10 :

- | | | |
|--|--------------------|------------------------|
| 1- وَ (dan), | 2- فَ (maka), | 3- ثُمَّ (kemudian), |
| 4- أَوْ (atau), | 5- أَمْ (ataupun), | 6- إِمَّا (sama ada), |
| 7- بَلْ (bahkan), | 8- لَا (tidak), | 9- لَكِنْ (tetapi) dan |
| 10- حَتَّى (sehingga) pada beberapa tempat tertentu. | | |

* sekiranya dihubungkan dengan kata hubung ini pada kata nomatif maka ia *dirafa'*kan atau pada kata akusatif maka ia *dinasabkan* atau pada kata genetif maka ia *dikhafadkan*, atau pada kata jusif maka ia *dijazamkan*⁴⁸.

contohnya :

- قَامَ زَيْدٌ وَعَمْرٌو (Zaid dan Amr telah berdiri),
 رَأَيْتُ زَيْدًا وَعَمْرًا (Aku melihat Zaid dan Amr),
 مَرَرْتُ بِزَيْدٍ وَعَمْرٍ (Aku melintasi Zaid dan Amr),
 زَيْدٌ لَمْ يَقُمْ وَلَمْ يَقْعُدْ (Zaid tidak berdiri dan tidak duduk).

⁴⁸ Lihat perbahasannya sebelum ini.

وَالنَّكْرَةُ كُلُّ إِسْمٍ شَائِعٍ فِي جِنْسِهِ
لَا يَخْتَصُّ بِهِ وَاحِدٌ دُونَ آخَرَ،

وَتَقْرِيْبُهُ كُلُّ مَا صَلَحَ دُخُولُ الْأَلِفِ
وَاللَّامِ عَلَيْهِ، نَحْوُ : الرَّجُلِ
وَالْفَرَسِ.

بَابُ الْعَطْفِ

وَحُرُوفُ الْعَطْفِ عَشْرَةٌ وَهِيَ
الْوَاوُ، وَالْفَاءُ، وَثُمَّ، وَأَوْ، وَأَمْ،
وَإِمَّا، وَبَلْ، وَلَا، وَلَكِنْ، وَحَتَّى فِي
بَعْضِ الْمَوَاضِعِ

فَإِنْ عَطِفْتَ عَلَى مَرْفُوعٍ رُفِعَتْ أَوْ
عَلَى مَنْصُوبٍ نُصِبَتْ، أَوْ عَلَى
مَخْفُوضٍ خَفِضَتْ، أَوْ عَلَى
مَعْجُزٍ جُزِمَتْ،

تَقُولُ : "قَامَ زَيْدٌ وَعَمْرٌو،
وَرَأَيْتُ زَيْدًا وَعَمْرًا، وَمَرَرْتُ بِزَيْدٍ
وَعَمْرٍو، وَزَيْدٌ لَمْ يَقُمْ وَلَمْ يَقْعُدْ".

BAB 'kata penegasan'⁴⁹

التوكيد (kata penegasan) mengikut المؤكد (sesuatu yang ditegaskan) dari segi rafa', nasab, khafad, dan ta'rif.

lainya menggunakan perkataan tertentu iaitu :

- 1- النَّفْسُ (diri),
- 2- الْعَيْنُ (diri),
- 3- كُلُّ (seluruh),
- 4- أَجْمَعُ (semua), dan perkataan seumpama أَجْمَعُ iaitu :
أَكْتَعُ ، أَبْتَعُ ، أَبْصَعُ (semuanya).

contohnya :

- قَامَ زَيْدٌ الْعَاقِلُ (Zaid berdiri - seorang diri),
رَأَيْتُ زَيْدًا الْعَاقِلَ (Aku melihat keseluruhan kaum itu),
مَرَرْتُ بِزَيْدِ الْعَاقِلِ (Aku melintasi kaum itu kesemuanya).

BAB 'KATA PENGANTI'

Apabila digantikan satu kata nama dengan kata nama lain atau satu kata kerja dengan kata kerja lain maka ia mengikutnya dari semua bentuk 'irabnya.

البدل ada empat bahagia:

- 1- بدل الشيء من الشيء (kedua-dua perkara tersebut sama dari segi maksudnya),
- 2- بدل البعض من الكل (sesuatu perkara itu sebahagian daripada perkara lain),
- 3- بدل الاشتمال (kedua-dua perkara itu ada kaitan dari segi sifat / keadaan tertentu),
- 4- بدل الغلط (sesuatu yang tersalah sebut).

⁴⁹ التوكيد kata penegasan yang digunakan untuk menunjukkan kepastian dalam sesuatu percakapan dan juga bertujuan untuk menghilangkan kesamaran, keraguan dan syak wasangka yang terdapat dalam fikiran pendengar.

بَابُ التَّوَكِيدِ

التَّوَكِيدُ "تابع لِلْمُؤَكَّدِ فِي رَفْعِهِ وَنَصْبِهِ وَخَفْضِهِ وَتَعْرِيفِهِ".

وَيَكُونُ بِالْفَاظِ مَعْلُومَةٍ، وَهِيَ النَّفْسُ، وَالْعَيْنُ، وَكُلُّ، وَأَجْمَعُ، وَتَوَابِعُ أَجْمَعُ، وَهِيَ أَكْتَعُ، وَأَبْتَعُ، وَأَبْصَعُ،

تَقُولُ : قَامَ زَيْدٌ نَفْسُهُ، وَرَأَيْتُ الْقَوْمَ كُلَّهُمْ، وَمَرَرْتُ بِالْقَوْمِ أَجْمَعِينَ .

بَابُ الْبَدَلِ

إِذَا أُبْدِلَ إِسْمٌ مِنْ إِسْمٍ أَوْ فِعْلٌ مِنْ فِعْلٍ تَبِعَهُ فِي جَمِيعِ إِعْرَابِهِ

وَهُوَ عَلَى أَرْبَعَةِ أَقْسَامٍ بَدَلُ الشَّيْءِ مِنَ الشَّيْءِ، وَبَدَلُ الْبَعْضِ مِنَ الْكُلِّ، وَبَدَلُ الْإِشْتِمَالِ، وَبَدَلُ الْغَلَطِ،

contohnya :

- قَامَ زَيْدٌ أَخُوكَ (Zaid iaitu saudara kamu itu telah berdiri),
 أَكَلْتُ الرَّغِيفَ ثُلُثَهُ (Aku makan 1/3 daripada roti itu),
 نَفَعَنِي زَيْدٌ عِلْمَهُ (Aku mendapat manfaat dari ilmu Zaid),
 رَأَيْتُ زَيْدًا الْفَرَسَ (Aku melihat Zaid - tersilap - kuda)
 - sebenarnya anda ingin katakan 'kuda' lalu tersilap dan menyebut 'Zaid'.

BAB 'KATA NAMA AKUSATIF'

المنصوبات (kata nama Akusatif) ada 15 jenis:

- 1- (objek) ⁵⁰ المفعول به,
- 2- المصدر (kata terbitan),
- 3- ظرف الزمان (kata nama yang menunjukkan masa),
 ظرف المكان (kata nama yang menunjukkan tempat),
- 4- الحال (keadaan),
- 5- التمييز (kata nama yang menerangkan kesamaran),
- 6- المستثنى (kata pengecualian),
- 7- اسم "لا" (kata nama selepas "لا"),
- 8- المنادى (kata nama selepas kata seru),
- 9- المفعول من أجله (objek - dilakukan perbuatan kerananya),
- 10- المفعول معه (objek - dilakukan perbuatan bersamanya),
- 11- اسم إن (predikat كان dan perkataan sejenisnya), اسم إن (subjek إن dan perkataan sejenisnya),

نَحْوَ قَوْلِكَ :

"قَامَ زَيْدٌ أَخُوكَ، وَأَكَلْتُ
 الرَّغِيفَ ثُلُثَهُ، وَنَفَعَنِي زَيْدٌ عِلْمُهُ،
 وَرَأَيْتُ زَيْدًا الْفَرَسَ"، أَرَدْتَ أَنْ
 تَقُولَ رَأَيْتُ الْفَرَسَ فَغَلِطْتَ فَأَبَدَلْتَ
 زَيْدًا مِنْهُ.."

بَابُ مَنْصُوبَاتِ الْأَسْمَاءِ

الْمَنْصُوبَاتُ خَمْسَةٌ عَشْرًا،
 وَهِيَ الْمَفْعُولُ بِهِ، وَالْمَصْدَرُ،
 وَظَرْفُ الزَّمَانِ وَظَرْفُ الْمَكَانِ،
 وَالْحَالُ، وَالتَّمْيِيزُ، وَالْمُسْتَثْنَى،
 وَاسْمُ لَا، وَالْمُنَادَى، وَالْمَفْعُولُ مِنْ
 أَجْلِهِ، وَالْمَفْعُولُ مَعَهُ، وَخَبَرُ كَانَ
 وَأَخْوَاتِهَا، وَاسْمُ إِنَّ وَأَخْوَاتِهَا،

⁵⁰ Objek : sesuatu yang berlaku ke atasnya perbuatan 'pelaku' (dalam sesuatu ayat).

* التابع للمنصوب (perkara yang mengikuti kata nama Akusatif dari segi *i'rab*) iaitu 4 perkara:

- 12- النعت (kata seru),
- 13- العطف (kata hubung),
- 14- التوكيد (kata penegasan),
- 15- البدل (kata pengganti).

BAB المفعول به / objek

المفعول به (objek) : kata nama Akusatif yang berlaku ke atasnya perbuatan 'pelaku' (dalam ayat).

contohnya:

- ضَرَبْتُ زَيْدًا (Aku memukul Zaid),
رَكَبْتُ الْفَرَسَ (Aku menunggang kuda).

المفعول به ada 2 bahagian : اسم ظاهر (kata nama), مضمر (kata gantinama)

1- اسم ظاهر (kata nama) - contohnya telah disebut di atas.

2- مضمر (kata gantinama) ada 2 bahagian :

- 1) متصل (kata gantinama berhubung),
- 2) منفصل (kata gantinama berasingan)

* متصل ada 12, iaitu :

- 1- ضَرَبَنِي (dia memukul saya),
- 2- ضَرَبْنَا (dia memukul kami),
- 3- ضَرَبَكَ (dia memukul kamu - lelaki),
- 4- ضَرَبَكَ (dia memukul kamu - perempuan),
- 5- ضَرَبَكُمَا (dia memukul kamu berdua),
- 6- ضَرَبَكُم (dia memukul kamu semua - lelaki),
- 7- ضَرَبَكُنَّ (dia memukul kamu semua - perempuan),

وَالتَّابِعُ لِلْمَنْصُوبِ، وَهُوَ أَرْبَعَةٌ
أَشْيَاءُ: النَّعْتُ وَالْعَطْفُ وَالتَّوَكِيدُ
وَالْبَدَلُ.

بَابُ الْمَفْعُولِ بِهِ

وَهُوَ الْإِسْمُ الْمَنْصُوبُ، الَّذِي
يَقَعُ بِهِ الْفِعْلُ، نَحْوَ ضَرَبْتُ زَيْدًا،
وَرَكَبْتُ الْفَرَسَ.

وَهُوَ قِسْمَانِ ظَاهِرٌ، وَمُضْمَرٌ

فَالظَّاهِرُ مَا تَقَدَّمَ ذِكْرُهُ

وَالْمُضْمَرُ قِسْمَانِ مُتَّصِلٌ،
وَمُنْفَصِلٌ

فَالْمُتَّصِلُ إِثْنَا عَشَرَ، وَهِيَ:

ضَرَبَنِي، وَضَرَبْنَا، وَضَرَبَكَ،
وَضَرَبَكَ، وَضَرَبَكُمَا، وَضَرَبَكُمُ،
وَضَرَبَكُنَّ،

- 8- ضَرَبَهُ (dia memukulnya - lelaki),
 9- ضَرَبَهَا (dia memukulnya - perempuan),
 10- ضَرَبَهُمَا (dia memukul kedua-duanya),
 11- ضَرَبَهُمْ (dia memukul mereka semua - lelaki),
 12- ضَرَبَهُنَّ (dia memukul mereka semua - perempuan)

* منفصل ada 12, iaitu :

- 1- إِيَّايَ (akan daku),
- 2- إِيَّانَا (akan kami),
- 3- إِيَّاكَ (akan dikau - lelaki),
- 4- إِيَّاكِ (akan dikau - perempuan),
- 5- إِيَّاكُمَا (akan kamu berdua),
- 6- إِيَّاكُم (akan kamu semua - lelaki),
- 7- إِيَّاكُنَّ (akan kamu semua - perempuan),
- 8- إِيَّاهُ (akannya - lelaki),
- 9- إِيَّاهَا (akannya - perempuan),
- 10- إِيَّاهُمَا (akan kamu berdua),
- 11- إِيَّاهُمْ (akan mereka - lelaki),
- 12- إِيَّاهُنَّ (akan mereka - perempuan),

BAB 'KATA TERBITAN'

المصدر (kata terbitan) : kata nama Akusatif yang berada pada tempat ketiga dalam *tasrif fe'el*.

contohnya: ضَرَبَ (telah pukul) - يَضْرِبُ (sedang pukul) - ضَرْبًا (pukulan),

وَضَرَبَهُ، وَضَرَبَهَا، وَضَرَبَهُمَا،
 وَضَرَبَهُمْ، وَضَرَبَهُنَّ

وَالْمُنْفَصِلُ اثْنَا عَشَرَ وَهِيَ:
 إِيَّايَ، وَإِيَّانَا، وَإِيَّاكَ، وَإِيَّاكِ،
 وَإِيَّاكُمَا، وَإِيَّاكُم، وَإِيَّاكُنَّ، وَإِيَّاهُ،
 وَإِيَّاهَا، وَإِيَّاهُمَا، وَإِيَّاهُمْ، وَإِيَّاهُنَّ.

بَابُ الْمَصْدَرِ

الْمَصْدَرُ هُوَ الْإِسْمُ الْمَنْصُوبُ،
 الَّذِي يَجِيءُ ثَالِثًا فِي تَصْرِيْفِ
 الْفِعْلِ، نَحْوُ: ضَرَبَ يَضْرِبُ ضَرْبًا.

المصدر ada 2 bahagian :

- 1- لفظي (kata terbitan yang sama perkataannya dengan kata kerja),
- 2- معنوي (kata terbitan yang sama maknanya dengan kata kerja)

* Sekiranya perkataan 'kata terbitan' itu sama lafaznya dengan kata kerja sebelumnya maka ia adalah لفظي .

contohnya : قَتَلْتُهُ قَتْلًا 'Aku menyerangnya dengan (sungguh-sungguh) serangan'.

* Sekiranya perkataan 'kata terbitan' itu sama maknanya dengan kata kerja sebelumnya dan tidak sama perkataannya maka ia adalah معنوي .

contohnya :

جَلَسْتُ قُعُودًا 'Aku duduk dengan (betul-betul) duduk',

قُمْتُ وَقُوفًا 'Aku berdiri dengan (benar-benar) berdiri'.

BAB KATANAMA - MASA DAN TEMPAT

ظرف الزمان : kata nama yang menunjukkan masa dan ianya adalah kata Akusatif dengan diandaikan في padanya,

contohnya:

اليوم (hari), الليل (malam), غُدُوءَ (waktu pagi),
 بُكْرَةَ (awal pagi) سحرا (waktu sahur), غدا (esok),
 عتمة (sepertiga malam), صباحا (pagi) مساء (petang),
 أبدا (sepanjang masa), أمدا (masa akan datang),
 أحيانا (kadang-kadang) dan seumpamanya.

وَهُوَ قِسْمَانِ لَفْظِيٌّ وَمَعْنَوِيٌّ،

فَإِنْ وَافَقَ لَفْظُهُ لَفْظَ فِعْلِهِ فَهُوَ
 لَفْظِيٌّ، نَحْوَ قَتَلْتُهُ قَتْلًا.

وَإِنْ وَافَقَ مَعْنَى فِعْلِهِ دُونَ لَفْظِهِ
 فَهُوَ مَعْنَوِيٌّ، نَحْوَ جَلَسْتُ قُعُودًا،
 وَقُمْتُ وَقُوفًا، وَمَا أَشْبَهَ ذَلِكَ.

بَابُ ظَرْفِ الزَّمَانِ وَظَرْفِ الْمَكَانِ

ظَرْفُ الزَّمَانِ هُوَ إِسْمٌ الزَّمَانِ
 الْمَنْصُوبُ بِتَقْدِيرِ "فِي" نَحْوَ الْيَوْمِ،
 وَاللَّيْلَةِ، وَغُدُوءَ، وَبُكْرَةَ، وَسَحْرًا،
 وَغَدًا، وَعَتَمَةَ، وَصَبَاحًا، وَمَسَاءً،
 وَأَبَدًا، وَأَمْدًا، وَحِينًا وَمَا أَشْبَهَ
 ذَلِكَ.

ظرف المكان : kata nama yang menunjukkan tempat dan ianya adalah kata Akusatif dengan diandaikan في padanya,

contohnya:

أمام (depan), خلف (belakang), قدام (di hadapan),
 وراء (di belakang) فوق (di atas), تحت (di bawah),
 عند (di sisi), مع (bersama) إزاء (bertentangan),
 حذاء (setentang), تلقاء (menghadap) هنا (di sini),
 ثم (kemudian) dan seumpamanya.

BAB 'KEADAAN'

الحال / keadaan : kata nama Akusatif yang menerangkan 'keadaan' yang kesamaran dan tidak jelas.
 contohnya:

جاء زيدٌ راكبًا (Zaid datang dengan cara menaiki kenderaan),
 ركبتُ الفرسَ مُسرِّجًا (aku menunggang kuda dengan berpelana),
 لقيتُ عبدَ اللهِ راكبًا (aku bertemu Abdullah dalam keadaan sedang menunggang kuda)

dan seumpamanya.

* نكرة الحال / 'kata nama am' dan ia berada selepas ayat tersebut telah lengkap.

* صاحب الحال / 'kata nama yang diterangkan keadaannya' mestilah معرفة / 'kata nama khas'.

وظرفُ المكانِ هو اسمُ المكانِ
 المنصوبُ بتقديرِ "في" نحو :
 أمام، وخلف، وقدام، ووراء،
 وفوق، وتحت، وعند، ومع،
 وإزاء، وحذاء، وتلقاء، وثم،
 وهنا، وما أشبه ذلك.

بَابُ الْحَالِ

الحالُ هو الاسمُ المنصوبُ،
 المفسرُ لما إنبهم من الهيئات،
 نحو قولك : "جاء زيدٌ راكبًا"
 و"ركبتُ الفرسَ مُسرِّجًا" و"لقيتُ
 عبدَ اللهِ راكبًا" وما أشبه ذلك.

وَلَا يَكُونُ الْحَالُ إِلَّا نَكْرَةً،
 وَلَا يَكُونُ إِلَّا بَعْدَ تَمَامِ الْكَلَامِ،
 وَلَا يَكُونُ صَاحِبُهَا إِلَّا مَعْرِفَةً.

BAB 'KATA NAMA AKUSATIF'

التمييز : kata nama Akusatif yang menerangkan kesamaran dan tidak jelas sesuatu benda.

contohnya:

- تَصَبَّبَ زَيْدٌ عَرَقًا (zaid mengalir keringatnya),
 تَفَقَّأَ بَكَرٌ شَحْمًا (Bakar mengurangkan lemak ditubuhnya),
 طَابَ مُحَمَّدٌ نَفْسًا (Muhammad baik orangnya),
 اشْتَرَيْتُ عِشْرِينَ غُلَامًا (aku membeli 20 budak suruhan)
 مَلَكَتُ تِسْعِينَ نَعْجَةً (aku miliki 90 kambing),
 زَيْدٌ أَكْرَمٌ مِنْكَ أَبَا وَأَجْمَلٌ مِنْكَ وَجْهًا

(Zaid lebih mulia daripada kamu dari segi kedudukan bapanya dan lebih cantik wajahnya daripada kamu).

* التمييز mestilah نكرة / 'kata nama am' dan ia berada selepas ayat tersebut telah lengkap.

BAB 'KATA PENGEQUALIAN'

الاستثناء (kata pengecualian),

حروف الاستثناء / kata pengecualian ada lapan, iaitu:

إِلَّا ، غَيْرُ ، سِوَى ، سِوَى ، سِوَاءَ ، خِلَا ، عَدَا ، حَاشَا

- **إِلَّا** dinasabkan apabila ayat tersebut lengkap dan bukan berbentuk penafian.

contohnya:

- قَامَ الْقَوْمُ إِلَّا زَيْدًا (orang ramai berdiri kecuali Zaid),
 خَرَجَ النَّاسُ إِلَّا عُمَرَ (orang ramai keluar kecuali Umar)

- Sekiranya ayat tersebut lengkap dan berbentuk penafian maka **المستثنى** boleh menjadi **البدل** atau dinasabkan sebagai **المستثنى**

Contohnya:

ما قام القوم إلا زيداً (orang ramai tidak berdiri kecuali Zaid)

بَابُ التَّمْيِيزِ

التَّمْيِيزُ هُوَ الْإِسْمُ الْمَنْصُوبُ،
 الْمَفْسَرُ لِمَا إِنْبَهَمَ مِنَ الذَّوَاتِ،
 نَحْوَ قَوْلِكَ : "تَصَبَّبَ زَيْدٌ عَرَقًا"،
 وَ"تَفَقَّأَ بَكَرٌ شَحْمًا" وَ"طَابَ
 مُحَمَّدٌ نَفْسًا" وَ"اشْتَرَيْتُ عِشْرِينَ
 غُلَامًا" وَ"مَلَكَتُ تِسْعِينَ نَعْجَةً"
 وَ"زَيْدٌ أَكْرَمٌ مِنْكَ أَبَا" وَ"أَجْمَلُ
 مِنْكَ وَجْهًا"

وَلَا يَكُونُ إِلَّا نَكْرَةً، وَلَا يَكُونُ إِلَّا
 بَعْدَ تَمَامِ الْكَلَامِ

بَابُ الْإِسْتِثْنَاءِ

وَحُرُوفُ الْإِسْتِثْنَاءِ ثَمَانِيَةٌ وَهِيَ: إِلَّا،
 وَغَيْرُ، وَسِوَى، وَسِوَى، وَسِوَاءَ، وَخِلَا،
 وَعَدَا، وَحَاشَا

فَالْمُسْتَثْنَى بِإِلَّا يُنْصَبُ إِذَا كَانَ الْكَلَامُ
 تَامًا مُوجِبًا، نَحْوَ : "قَامَ الْقَوْمُ إِلَّا زَيْدًا"
 وَ"خَرَجَ النَّاسُ إِلَّا عُمَرَ"

وَإِنْ كَانَ الْكَلَامُ مَنْفِيًّا تَامًا جَازَ فِيهِ
 الْبَدَلُ وَالنَّصْبُ عَلَى الْإِسْتِثْنَاءِ، نَحْوَ :
 "مَا قَامَ الْقَوْمُ إِلَّا زَيْدًا" وَ"إِلَّا زَيْدًا"

- Sekiranya ayat tersebut tidak lengkap maka ia mengikut keadaan faktor-faktor terdapat pada ayat tersebut. contohnya :

ما قام إلا زيداً. (tidak ada yang berdiri kecuali Zaid),

ما ضربتُ إلا زيداً (Aku tidak pukul kecuali Zaid),

ما مررتُ إلا بزيد. (Aku tidak melintasi kecuali Zaid).

- سيوى ، سوي ، سواً ، سواً المستثنى

dan المستثنى dengan حاشاً ، عدداً ، خلاً boleh dinasabkan atau dijarkan.

Contohnya:

قام القومُ خلاً زيداً وزيدي، وعدا عمراً وعمرو، وحاشا بكاراً وبكار
(orang ramai berdiri kecuali Zaid, Umar, Bakar)

باب ' لا '

لا / kata nama selepas اسم "لا"

لا menasabkan النكرة / 'kata nama am' tanpa tanwin apabila لا berhubung secara langsung dengan النكرة / اسم لا dan perkataan لا tidak berulang.

contoh : لا رجلٌ في الدار (tidak ada lelaki di dalam rumah ini).

- Sekiranya لا tidak berhubung secara langsung dengan النكرة maka mesti dirafa'kan dan wajib mengulangi perkataan لا .

contoh :

لا في الدار رجلٌ ولا امرأةٌ

(tidak ada di dalam rumah ini lelaki dan perempuan).

- Sekiranya perkataan لا berulang.maka boleh sama ada لا itu berfungsi atau tidak berfungsi tugasnya.

contoh : (tidak ada di dalam rumah ini lelaki dan perempuan).

1- لا رجلٌ في الدار ولا امرأةٌ

2- لا رجلٌ في الدار ولا امرأةٌ

وإن كان الكلام ناقصاً كان
على حسب العوامل، نحو "ما قام
إلا زيداً" و"ما ضربتُ إلا زيداً"
و"ما مررتُ إلا بزيد"

والمستثنى بغير، وسوى،
وسوى، وسواء، مجزور لا غير
والمستثنى بخلا، وعدا،
وحاشا، يجوز نصبه وجره، نحو :
"قام القومُ خلاً زيداً، وزيدي" و"عدا
عمراً وعمرو" و"حاشا بكاراً
وبكار".

باب "لا"

اعلم أن "لا" تنصب النكرات بغير
تنوين إذا باشرت النكرة ولم
تتكرر "لا" نحو : "لا رجلٌ في
الدار"

فإن لم تُباشرها وجب الرفع
ووجب تكرار "لا" نحو : لا في
الدار رجلٌ ولا امرأةٌ

فإن تكررت "لا" جاز إعمالها
وإلغاؤها، فإن شئت قلت "لا رجلٌ
في الدار ولا امرأةٌ".

BAB 'KATA NAMA SELEPAS KATA SERU'

المنادى ada lima jenis :

- 1- المفرد العلم (kata nama khas tunggal)
- 2- النكرة المقصودة (kata nama am ditentukan)
- 3- النكرة غير المقصودة (kata nama am tidak ditentukan)
- 4- المضاف (kata nama yang disandar)
- 5- المشبه بالمضاف (kata nama yang sama dengan kata nama yang disandarkan)

* المفرد العلم dan النكرة المقصودة kedua-duanya dibina dengan baris hadapan tanpa tanwin, contoh : يَا زَيْدُ (wahai Zaid), يَا رَجُلٌ (wahai lelaki).

- Manakala tiga jenis lagi hanya boleh dinasabkan sahaja.

BAB 'OBJEK' - DILAKUKAN PERBUATAN KERANANYA

المفعول من أجله adalah kata nama Akusatif yang menerangkan sebab berlakunya sesuatu perbuatan.

contohnya:

قَامَ زَيْدٌ إِجْلَالًا لِعَمْرٍو

(Zaid berdiri kerana memuliakan Umar),

قَصَدْتُكَ ابْتِغَاءَ مَعْرُوفِكَ

(Aku pergi berjumpa kamu kerana mengharapkan jasa baik kamu).

بَابُ الْمُنَادَى

الْمُنَادَى خَمْسَةٌ أَنْوَاعٌ :

المفرد العَلْمُ، وَالنَّكْرَةُ
الْمَقْصُودَةُ، وَالنَّكْرَةُ غَيْرُ
الْمَقْصُودَةِ، وَالْمُضَافُ، وَالشَّبِيهُ
بِالْمُضَافِ.

فَأَمَّا الْمَفْرَدُ الْعَلْمُ وَالنَّكْرَةُ
الْمَقْصُودَةُ فَيَبْنِيَانِ عَلَى الضَّمِّ مِنْ
غَيْرِ تَنْوِينٍ، نَحْوَ "يَا زَيْدُ" وَ"يَا
رَجُلٌ"

وَالثَّلَاثَةُ الْبَاقِيَةُ مَنْصُوبَةٌ لَا غَيْرُ.

بَابُ الْمَفْعُولِ لِأَجْلِهِ

وَهُوَ الْإِسْمُ الْمَنْصُوبُ، الَّذِي
يُذَكَّرُ بَيَانًا لِسَبَبِ وَقُوعِ الْفِعْلِ،
نَحْوَ قَوْلِكَ : "قَامَ زَيْدٌ إِجْلَالًا
لِعَمْرٍو" وَ"قَصَدْتُكَ ابْتِغَاءَ
مَعْرُوفِكَ".

BAB 'OBJEK' - DILAKUKAN PERBUATAN BERSAMANYA

- المفعول معه adalah kata nama Akusatif yang menerangkan siapa melakukan perbuatan bersamanya.

contohnya:

جَاءَ الْأَمِيرُ وَالْجَيْشُ (Pemimpin datang bersamanya angkatan tenteranya),

استَوَى الْمَاءُ وَالْخَشْبَةَ (Air itu naik hingga sama dengan kayu pengukur).

- Manakala خبر كان وأحوالها (predikat كان dan perkataan sejenisnya),

اسم إن وأحوالها (subjek إن dan perkataan sejenisnya) telah dijelaskan kedua-duanya dalam المرفوعات (kata nama nominatif).

Begitu juga التوابع للمنصوبات (perkara yang mengikuti kata nama Akusatif dari segi i'rab) telah dijelaskan di sana.

BAB 'KATA NAMA GENITIF'

المخفوضات ada tiga bahagian :

1- المخفوض بالحرف / kata nama genitif dengan huruf jar

2- المخفوض بالإضافة / kata nama genitif dengan idhafat

3- تابع المخفوض / perkara yang mengikut kata nama genitif dari segi 'irab

* المخفوض بالحرف / kata nama genitif dengan huruf jar :

iaitu kata nama yang dikhafadkan dengan -

حروف القسم (kata sumpah) iaitu : (و) رَبُّ، مُدُّ، مُنْدُ، و، ب، ت

بَابُ الْمَفْعُولِ مَعَهُ

وَهُوَ الْإِسْمُ الْمَنْصُوبُ، الَّذِي يُذَكَّرُ لِيَبَيِّنَ مَنْ فَعَلَ مَعَهُ الْفِعْلُ، نَحْوَ قَوْلِكَ : "جَاءَ الْأَمِيرُ وَالْجَيْشُ" وَ"اسْتَوَى الْمَاءُ وَالْخَشْبَةَ".

وَأما خبرُ "كَانَ" وَأَحْوَالِهَا، وَاسْمُ "إِنَّ" وَأَحْوَالِهَا، فَقَدْ تَقَدَّمَ ذِكْرُهُمَا فِي الْمَرْفُوعَاتِ، وَكَذَلِكَ التَّوَابِعُ؛ فَقَدْ تَقَدَّمَتْ هُنَاكَ.

بَابُ الْمَخْفُوضَاتِ مِنَ الْأَسْمَاءِ

الْمَخْفُوضَاتُ ثَلَاثَةٌ أَنْوَاعٍ مَخْفُوضٌ بِالْحَرْفِ، وَمَخْفُوضٌ بِالْإِضَافَةِ، وَتَابِعٌ لِلْمَخْفُوضِ.

فَأَمَّا الْمَخْفُوضُ بِالْحَرْفِ فَهُوَ مَا يَخْتَصُّ بِمِنْ، وَإِلَى، وَعَنْ، وَعَلَى، وَفِي، وَرُبُّ، وَالْبَاءُ، وَالْكَافِ، وَاللَّامِ، وَبِحُرُوفِ الْقَسَمِ، وَهِيَ الْوَاوُ، وَالْبَاءُ، وَالْتَاءُ، وَبِوَاوِ رَبِّ، وَبِمُدِّ، وَبِمُنْدُ.

* المَخْفُوضُ بِالإِضَافَةِ / kata nama genitif dengan idhafat:

contoh : غُلَامُ زَيْدٍ (Budak suruhan Zaid).

- bentuk ini ada dua bahagian :

- 1- المَخْفُوضُ بِالإِضَافَةِ yang diandaikan huruf ل padanya
- 2- المَخْفُوضُ بِالإِضَافَةِ yang diandaikan perkataan مِنْ padanya

contoh diandaikan huruf ل :

غُلَامُ زَيْدٍ (Budak suruhan 'milik' Zaid)

Contoh diandaikan perkataan مِنْ :

- ثَوْبٌ خَزٌّ (baju 'diperbuat dari' sutera),
 بَابٌ سَاجٌ (Pintu 'diperbuat dari' kayu jati) dan
 خَاتَمٌ حَدِيدٌ (cincin 'dibuat daripada' besi)

تَمَّ تَرْجَمَةُ الْمَتْنِ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

وَأَمَّا مَا يُخَفِّضُ بِالإِضَافَةِ، فَنَحْوُ
 قَوْلِكَ : "غُلَامُ زَيْدٍ"

وَهُوَ عَلَى قِسْمَيْنِ مَا يُقَدَّرُ بِالإِضَافَةِ،
 وَمَا يُقَدَّرُ بِمِنْ،

فَالَّذِي يُقَدَّرُ بِالإِضَافَةِ نَحْوُ "غُلَامُ
 زَيْدٍ"

وَالَّذِي يُقَدَّرُ بِمِنْ، نَحْوُ "ثَوْبٌ
 خَزٌّ" وَ"بَابٌ سَاجٌ" وَ"خَاتَمٌ حَدِيدٌ"